

NO SOALAN :410

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH
(LENGGONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian pada ketika ini dalam melaksanakan program atau pun pendedahan mengenai pengurusan kewangan yang efektif kepada golongan belia bagi mengelakkan golongan ini diisytiharkan muflis pada usia yang muda dan nyatakan keberkesanan program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menyeluruh telah dan akan terus diambil untuk meningkatkan keupayaan mengurus

kewangan secara berkesan, termasuk dalam kalangan golongan muda, sebagai salah satu kemahiran hidup yang penting bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang celik kewangan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

i) Pendidikan Kewangan

- Bank Negara Malaysia (BNM) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Melengkapi inisiatif ini, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pula melaksanakan modul kewangan peribadi di universiti-universiti awam dan swasta di seluruh negara.

ii) Program Jangkauan

- Bagi mendidik masyarakat awam, BNM juga telah menjalankan pelbagai program jangkauan kepada kumpulan sasaran dan pihak awam, termasuk mereka yang tinggal di luar bandar melalui Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), perkhidmatan LINK Bergerak BNM (BNM *MobileLINK*) dan Karnival Kewangan. Karnival

Kewangan yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching dan Kedah umpamanya telah berjaya menarik seramai lebih 100,000 pengunjung yang datang untuk mendapat khidmat nasihat pengurusan kewangan, pembiayaan dan pelbagai lagi.

iii) Perkhidmatan Pengurusan Hutang

- AKPK pula memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kewangan kepada bakal peminjam dan peminjam yang bermasalah termasuk golongan muda. Sehingga Januari 2018, seramai 111,967 daripada 205,000 peminjam yang menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) ini merupakan golongan muda berumur antara 20 hingga 40 tahun.

iv) Perkiraan Sukarela Pra Muflis

- Bagi golongan muda yang berpotensi diisytihar muflis pula, mereka boleh mendapatkan bantuan Perkiraan Sukarela (*Voluntary Arrangement, VA*) untuk menyelesaikan hutang tanpa sebarang prosiding kebangkrapan melalui perkhidmatan seorang penama (*Nominee*). AKPK yang dilantik oleh Kerajaan sebagai

Nominee akan merangka pelan penyusunan semula hutang untuk pertimbangan para pemiutang, bagi membolehkan penghutang berkenaan menyelesaikan pembayaran balik pembiayaan mereka dan mengelak daripada diisytihar muflis.

v) Strategi Nasional Literasi Kewangan

- Untuk memperkukuhkan lagi usaha meningkatkan celik kewangan, satu Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network* atau *FE Network*) telah ditubuhkan pada November 2016 untuk menyelaraskan dan memacu strategi pendidikan kewangan secara holistik dan bersepadu di peringkat kebangsaan. Pelaksanaan strategi kebangsaan ini akan diselaraskan dengan aspirasi kerajaan jangka panjang di bawah inisiatif Kluster Kewangan, Transformasi Nasional 2050 atau TN50.